

18 OCT 2000

Mahathir-Nik Aziz

NIK AZIZ PERLU AKUR DENGAN UNDANG-UNDANG, KATA DR MAHATHIR

PETALING JAYA, 18 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat perlu akur dengan peraturan dan undang-undang apabila membuat sesuatu.

Perdana Menteri berkata sebagai sebuah negara yang melaksanakan peraturan dan undang-undang, tiada sesiapa yang boleh mengatasinya.

Dr Mahathir ditemui media selepas merasmikan pusat khidmat Biro Tindakan Sivil UMNO yang diketuai oleh Anggota Majlis Tertinggi Azalina Othman Said di kawasan Zon Perindustrian Bebas Sungai Way di sini malam ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Nik Aziz semalam yang mencabar Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) supaya menunjukkan kesilapan yang telah dilakukannya samasa berceramah di sebuah surau di Selangor.

Nik Aziz juga berkata jika JAIS gagal berbuat demikian, beliau akan terus berceramah di negeri itu.

Sebelum itu, Pengarah JAIS Mansur Ramli berkata beliau akan mendapatkan pandangan Penasihat Undang-Undang Negeri bagi menentukan bentuk tindakan yang boleh diambil terhadap Nik Aziz kerana melanggar arahan yang melarang ceramah politik diadakan di masjid dan surau di negeri itu.

Dr Mahathir berkata kalau ternyata Nik Aziz melanggar undang-undang beliau harus bersedia menghadapi tindakan.

"Tetapi apabila kerajaan hendak melaksanakan undang-undang ada pula pihak yang membuat demonstrasi.

"Bagi mereka pelaksanaan undang-undang boleh dijalankan terhadap orang lain tetapi bukan kepada mereka," tegas beliau.

-- BERNAMA

AKT GM FAZ